

## Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian



**TIDAK HAMBAT KEJAYAAN:** Walau Cik Syahidah Nafisah Zainuddin berasal daripada keluarga bukan mewah, semangat serta dedikasi untuk Berjaya menyumbang kepada kelulusannya daripada university dan menjadi contoh kepada adik-adiknya. - Foto KHALID BABA

24 Apr 2015

HAIRIANTO DIMAN

**USAHA** Cik Syahidah Nafisah Zainuddin memburu segulung ijazah selama dua tahun tidak mudah.

Ini disebabkan beliau terpaksa mengikuti program sarjana muda Universiti Murdoch, Australia, sambil bekerja sebagai guru tuisyen kerana keluarganya tidak mewah.

Bapanya seorang penyelia tapak manakala ibunya seorang guru tadika sambilan, dan tiga adik anak sulung empat beradik itu masih bersekolah di Institut Pendidikan Teknikal (ITE), sekolah menengah dan rendah.

Namun, berkat kesungguhan dan bantuan dalam bentuk dermasiswa pendidikan pengajian tinggi Angkatan Karyawan Islam (AMP) serta pinjaman kewangan daripada Yayasan Mendaki, beliau lulus dalam jurusan kewartawanan, komunikasi dan pengajian media pada 2013.

Kejayaan Cik Syahidah, 24 tahun, disebut AMP dalam kenyataannya baru-baru ini bagi mengundang permohonan untuk biasiswa tersebut bagi tahun ini.

Menceritakan pengalamannya, Cik Syahidah, yang mengikuti program itu melalui Institut Pengajian Tinggi Persekutuan Pengilang Singapura (SMF), berkata:

"Saya cuba mencari sumber pendapatan sendiri bagi membayar yuran sekolah yang keseluruhannya mencecah kira-kira \$25,000 bagi program dua tahun itu.

"Saya memutuskan mengajar tuisyen kepada empat pelajar secara individu selain menjadi guru tuisyen di sebuah pusat jagaan pelajar. Saya membawa pulang kira-kira \$750 setiap bulan bagi menanggung perbelanjaan dan yuran sekolah.

"Memang sukar mengimbangi kerja sekolah dan kerja sambilan tetapi saya tidak ada pilihan lain. Adik-adik masih bersekolah dan ibubapa saya harus menanggung kos pendidikan mereka juga."

Beliau juga tidak dapat lupa pengalaman terpaksa mengongsi satu computer riba dengan ibu dan tiga adiknya itu untuk menyiapkan tugas kerja dan sekolah.

Cik Syahidah turut menghadapi cabaran akademik. Sebelum melanjutkan pelajaran, beliau belajar di Politeknik Republic dalam jurusan reka bentuk interaktif, yang lebih kepada kerja penerbitan daripada bidang kewartawanan.

"Saya tidak biasa dengan tugas universiti yang lebih kepada menulis esei. Namun, saya tidak berputus asa kerana minat mendalam terhadap bidang kewartawanan.

"Saya minta bantuan daripada pensyarah dan rakan yang sedia membantu," ujar beliau yang bercita-cita menjadi penyampai berita.

Cik Syahidah kini bekerja sebagai pegawai komunikasi korporat bersama syarikat Toll Global Logistics.

Dengan pendapatan yang lebih lumayan dan mantap, beliau kini dapat membantu menanggung perbelanjaan keluarganya.

"Setiap bulan saya ketepi kan kira-kira \$150 untuk perbelanjaan sekolah adik-adik aya. Seorang adik saya akan menduduki peperiksaan GCE peringkat 'O' tahun ini dan beliau perlu membeli bahan bagi mata pelajaran lukisan.

"Saya juga ketepikan kira-kira \$150 sebulan bagi keperluan rumah. Saya mahu menjadi contoh kepada adik-adik saya bahawa mereka juga boleh berjaya tidak kira apa keadaan mereka sekarang. Yang penting, mereka perlu focus dan tidak putus asa.

"Saya masih mahu menjadi seorang wartawan dan akan terus bekerja keras untuk mencapai cita-cita saya," ujarnya.